

Bengkel FLEX amat bermanfaat - Peserta

UM 09.12.2011 30

KOTA KINABALU 8 Dis - Menurut kajian pakar linguistik, dalam sehari dua bahasa etnik di dunia akan lenyap begitu sahaja yang berpunca daripada beberapa faktor seperti 'ditelan' oleh bahasa-bahasa yang lebih besar, semuanya kerana sikap sambil lewa etnik itu sendiri.

Bengkel Antarabangsa Perisian FieldWorks (FLEX) yang diadakan di Universiti Malaysia Sabah baru-baru ini, sekurang-kurangnya mendangkan sedikit kelegaan kepada para pencinta budaya dan bahasa etniknya sendiri seperti **Rapiyah Supu**, 43, daripada etnik Kimaragang.

Katanya, kamus Bahasa Kimaragang yang diusahakan bersama de-

ngan beberapa orang rakan beberapa tahun lalu pasti menjadi kenyataan sedikit masa lagi.

"Kami hanya mengumpulnya dengan menggunakan nota dan dengan perisian ini saya pasti Bahasa Kimaragang yang halus itu akan dapat didokumentasi melalui kamus dan dikekalkan keasliannya," katanya yang juga merupakan penyelia Taska Warisan Kimaragang, Kota Marudu.



ANGELA ENGUAN



RAPIAH SUPU

"Saya rasa bertuah kerana terpilih mengikuti bengkel ini, memandangkan ilmu yang diberikan oleh para penceramah sangat bermanfaat. Mereka menyampaikannya dengan berkesan dan mudah," ujar **Angela Engkuang**, 42, peserta daripada etnik Tatana, Kuala Penyu.

Angela yang juga merupakan kakitangan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) berkata, semua per-

kara berkaitan perisian FLEX berbukti, ilmu pengetahuan yang diperoleh melalui bengkel dan dibantu pula oleh pakar-pakar bahasa itu banyak membantu dalam proses pengumpulan data bagi etnik masing-masing.

Ahmad Abdul, 58, peserta dari etnik Sungai, berharap agar pemilihan peserta oleh pihak pengajur pada masa akan datang haruslah terdiri daripada mereka yang mempunyai minat dalam bidang bahasa dan kebudayaan serta menguasai serba sedikit ilmu komputer.

"Tanpa pengetahuan asas dalam bidang komputer, ilmu yang dicurahkan sepanjang bengkel tidak da-

pat direalisasikan secara berkesan kerana peserta tidak mendapat apa-apa darinya," kata bekas Presiden Persatuan Bangsa Sungai Sabah itu.

Ahmad bagaimanapun berharap dapat meneruskan usaha membuat kamus dalam bahasa Sungai dengan lebih cekap dengan adanya perisian yang dipelajarinya sepanjang bengkel.

"Sebelum ini saya menggunakan komputer riba saya hanya untuk membaca akhbar online, kali ini pastinya saya akan terus 'jatuh cinta' kepada komputer ini dengan adanya perisian tersebut," katanya tersenyum bangga.